

<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	:	ARKITEK	
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	:	KEJURUTERAAN	
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
<b>TARAF JAWATAN</b>	:	KONTRAK	
<b>GREED</b>	:	J41	
<b>KEKOSONGAN</b>	:	1 (SATU)	
<b>JADUAL GAJI</b>	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		<b>RM2,529.00</b>	<b>RM9,643.00</b>

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) Warganegara Malaysia;
    - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN ARKITEK J41**

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana Seni Bina

Ijazah Sarjana Muda/Sarjana Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (ii) berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

***(Gaji permulaan pada Gred J41 ialah : RM2,736.28);***

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**LATIHAN**

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.